

Mahathir terima ijazah kehormat daripada NUS

PERDANA Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang daripada Universiti Nasional Singapura (NUS).

Ia bagi mengiktiraf kepimpinan Dr Mahathir yang cemerlang serta sumbangannya kepada hubungan dua hala antara Singapura dengan Malaysia.

Isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pula menerima Anugerah Perkhidmatan Alumni Cemerlang daripada NUS.

Ia sebagai penghormatan kepadanya yang menjadi contoh serta perintis yang banyak memberi inspirasi kepada doktor wanita di Malaysia, selain mengiktiraf perkhidmatan dan sumbangannya dalam bidang kesihatan awam.

Laporan lanjut di Muka 5

MAHATHIR LAWAT SINGAPURA

Mahathir terima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang NUS

▶ **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

SELAMA 65 tahun selepas beliau tamat pengajian dengan ijazah perubatan, Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad kembali ke alma mater beliau untuk menerima anugerah doktor kehormat undang-undang.

Universiti Nasional Singapura (NUS) telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang kepada Dr Mahathir sebagai mengiktiraf kepimpinan cemerlangnya di Malaysia serta sumbangan berterusannya terhadap hubungan dua hala yang kukuh antara Singapura dengan Malaysia.

Majlis itu telah dipengerusikan Presiden Singapura, Puan Halimah Yacob, yang juga Canselor NUS di kampus Kent Ridge NUS semalam.

Dalam ucapannya untuk Dr Mahathir, Profesor Chong Yap Seng, bakal dekan Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS berkata pencapaian unggul Dr Mahathir menjadikannya contoh terbaik yang memaparkan kepimpinan yang berani dan semangat tidak mudah luntur yang kukuh, lapor *The Straits Times*.

"Tun Dr Mahathir, Perdana Menteri paling lama Malaysia dan negarawan dipilih paling tertua dunia, kembali menerajui pucuk pimpinan pemerintahan negaranya awal tahun ini sekali gus mencerminkan cinta berterusannya buat Malaysia disamping keinginannya mempertingkatkan pertumbuhan dan kemakmuran rakyatnya," ucap Profesor Chong.

Dalam ucapan ringkasnya selepas menerima ijazah doktor kehormat daripada Puan Halimah, Dr Mahathir berkata: "Saya akan terus menghargai ijazah doktor kehormat ini selagi saya masih hidup."

Beliau tiba di Singapura, Isnin lalu bagi lawatan rasmi pertamanya ke sini sejak kembali ke persada politik, 15 tahun selepas persaraannya untuk sekali lagi menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir merupakan perdana menteri dari 1981 hingga 2003. Beliau memegang semula jawatan tersebut Mei lalu selepas memimpin parti Pakatan Harapan memenangi pilihan raya Malaysia.

Dr Mahathir, yang merupakan alumni kepada institusi awal NUS, Kolej Perubatan King Edward VII, telah menuntut di sana dari 1947 hingga 1953.

Kolej itu juga tempat beliau bertemu isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Haji Mohd Ali, kini 92 tahun.

Dr Siti turut menerima Anugerah Perkhidmatan Alumni Cemerlang NUS daripada Pengerusi NUS, Encik Hsieh Fu Hua, atas sumbangannya sebagai pengasas dan contoh inspirasi bagi doktor wanita di Malaysia selain sumbangan cemerlangnya dalam kesihatan awam.

Sambil diiringi ketawa daripada 600 tetamu yang hadir termasuk rakan Dr Mahathir daripada Kelas Perubatan 1947, Presiden NUS, Profesor Tan Eng Chye dalam ucapannya berkata:

"Semuanya bermula, menurut rakan sekelas, apabila Tun Dr Mahathir menjadi pengunjung kerap ke Holne Chase, hostel bagi pelajar wanita di mana Tun Dr Siti menginap."



SUMBANGAN DIKTIKRAF:
Tun Dr Mahathir Mohamad menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang daripada Presiden Halimah Yacob. – Foto-foto BH oleh ALPHONSUS CHERN

Beliau turut memuji semangat belajar sepanjang hayat yang ditonjolkan pemimpin 93 tahun itu dan ini, menurut Profesor Tan, seiring dengan visi NUS.

"Pada usia 93 tahun, beliau (Dr Mahathir) masih lagi membaca, belajar dan mengongsi pengetahuannya dalam pelbagai isu."

"Tun Dr Mahathir telahpun meraih pencapaian tinggi dalam kerjaya dan kehidupannya tetapi masih terus berkhidmat untuk Malaysia dengan cemerlang dan penuh bertenaga," katanya lagi.

Semasa berucap, Dr Mahathir menyentuh tentang hubungan dua hala yang baik antara Singapura dan Malaysia.

"Singapura dan Malaysia kekal menjadi jiran yang baik. Memang kita mempunyai masalah, mungkin juga ada persaingan di antara kita tetapi secara keseluruhannya kita dapat menghuraikan masalah ini dengan cara yang damai."

"Ini sesuatu yang wajar dicontohi negara lain kerana di banyak negara apabila berlakunya konflik antara mereka, mereka menghuraikannya dengan keganasan dan peperangan. Tetapi bagi Singapura dan Malaysia, kami berharap, kami telah menunjukkan contoh yang baik bagaimana negara berjiran boleh menghuraikan masalah antara mereka," ujarnya.



BERAMAH MESRA: Presiden Halimah (dua dari kiri) dan suami, Encik Mohamed Abdullah Alhabshee (kiri), bercakap dengan Dr Siti Hasmah Haji Mohd Ali dan Dr Mahathir Mohamad (kanan) selepas majlis di NUS semalam.